
PENGAUDITAN SEKTOR AWAM M A L A Y S I A -SEPINTAS LALU

"Audit Berkualiti Meningkatkan Akauntabiliti"



PENGAUDITAN SEKTOR AWAM M A L A Y S I A -SEPINTAS LALU

©Jabatan Audit Negara 2014

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem yang boleh diperbaiki atau disiarkan dalam mana-mana bentuk atau dengan mana-mana alat, elektronik, mekanikal, fotokopi, perakaman atau yang sebaliknya tanpa keizinan dari Jabatan Audit Negara.

KANDUNGAN

KATA ALUAN KETUA AUDIT NEGARA	iii
SEJARAH DAN FUNGSI AUDIT	
Era British	1
Era Selepas Kemerdekaan	2
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA	
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA	4
PROSES AUDIT PENYATA KEWANGAN	
PROSES AUDIT PENYATA KEWANGAN	6
(INDEKS AKAUNTABILITI)	10
PROSES AUDIT PRESTASI	
PROSES AUDIT PRESTASI	14
PROSES AUDIT SYARIKAT	
PROSES AUDIT SYARIKAT	19
AUDIT SUSULAN	
AUDIT SUSULAN	22
SOALAN – SOALAN LAZIM	
SOALAN – SOALAN LAZIM	25
MAKLUMAT SEPINTAS LALU	
MAKLUMAT SEPINTAS LALU	30
SENARAI SINGKATAN YANG DIGUNAKAN	
SENARAI SINGKATAN YANG DIGUNAKAN	31

KATA ALUAN KETUA AUDIT NEGARA

Seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957, Institusi Audit Negara menggalas amanah dan tanggungjawab membantu sektor awam Malaysia memastikan tadbir urus yang baik dan berintegriti sentiasa diamalkan khususnya dalam pengurusan wang awam. Adalah penting wang awam diuruskan dengan cekap dan berintegriti bagi mengelakkan gejala negatif seperti ketirisan, pembaziran, penyelewengan dan lain-lain. Menerusi pengauditan yang berkualiti, Kerajaan dan rakyat mendapat maklum balas yang objektif dan tanpa prasangka tentang kelemahan-kelemahan dalam pengurusan wang awam serta juga syor-syor bagi memperbaiki pengurusan kewangan dan aktiviti Kerajaan yang dipertanggungjawabkan kepada anggota pentadbiran dan penjawat awam.

Walaupun institusi audit telah lama wujud di negara ini, namun ada keperluan bagi Jabatan Audit Negara (JAN) memperjelaskan tentang peranan dan tanggungjawab JAN menjalankan pengauditan sektor awam bagi mengelakkan sebarang salah faham di kalangan *stakeholders*nya.

Maka atas kesedaran ini, buku penerangan ini diharap dapat mempertingkatkan pemahaman umum terhadap JAN dan proses pengauditan sektor awam. Selain itu, beberapa persoalan lazim tentang pengauditan sektor awam turut diberi pencerahan.

JAN sentiasa terbuka kepada idea-idea yang membina untuk meningkatkan mutu perkhidmatannya dalam menjalankan tanggungjawabnya sebagai institusi audit yang bebas dan profesional.

Sekian, terima kasih.



TAN SRI DATO' SETIA AMBRIN BIN BUANG

Ketua Audit Negara Malaysia

30 April 2014

SEJARAH DAN FUNGSI AUDIT

Era British

Institusi audit telah wujud di Tanah Melayu sejak pentadbiran British pada awal abad ke-19 bagi memperkuatkan sistem pentadbiran kewangan Kerajaan. Pada ketika itu ia wujud secara berasingan mengikut negeri iaitu Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri Selat. Institusi audit bagi Negeri Melayu Bersekutu ditubuhkan pada tahun 1906 dengan pelantikan Ketua Audit Negara yang pertama iaitu W.J.P Hume.

Bagi Negeri-negeri Selat pula, institusi audit telah wujud pada akhir abad ke-19 namun ia berpusat di Singapura dan hanya melibatkan dua negeri di Semenanjung Tanah Melayu iaitu Pulau Pinang dan Melaka. Pada tahun 1932 kedua-dua institusi audit digabungkan dan diletakkan di bawah kawalan *Director of Colonial Audit* yang berpusat di London. Institusi ini juga diperkenalkan di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Pada tahun 1934, Juruaudit bagi Negeri-negeri Selat dan Negeri Melayu Bersekutu telah dilantik menjadi Penasihat Audit di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Bentuk pengauditan pada era tersebut tertumpu kepada pengesahan penyata kewangan dan penyelenggaraan rekod berkaitan. Pemeriksaan secara mengejut juga telah diperkenalkan. Sebelum wujudnya Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957, proses pengauditan adalah berdasarkan kepada undang-undang dan peraturan seperti *General Orders of the Federated Malay States Government*, arahan semasa dari *Secretary to Government*, *Malayan Union Circulars* dan juga *Colonial Regulations*.

Era Selepas Kemerdekaan

Apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, nama institusi audit ditukar kepada Jabatan Odit Negara dan jawatan *Auditor-General of the Federation of Malaya* dikenali sebagai Juru Odit Negara bagi Persekutuan Tanah Melayu. Satu undang-undang yang dinamakan Akta Odit 1957 digubal bagi memberi mandat kepada pelaksanaan proses pengauditan. Pelantikan serta tanggungjawab Juruudit Negara termaktub di bawah Akta ini dan juga di bawah Perkara 105, Perlembagaan Persekutuan. Corak pengauditan masih tertumpu kepada pengesahan penyata kewangan dan pematuhan kepada peraturan dan undang-undang. Pemeriksaan secara mengejut juga diteruskan dan diberi keutamaan.

Pengenalan Sistem Belanjawan, Program dan Prestasi pada tahun 1968, telah menukar corak pengauditan tradisional kepada penilaian terhadap prestasi aktiviti dan program Kerajaan. Dengan ini pindaan Akta Audit 1957 pada tahun 1978 telah memberi mandat kepada Ketua Audit Negara untuk melaksanakan pengauditan prestasi bagi menentukan wang awam telah dibelanjakan secara ekonomi, efisien dan efektif. Pada tahun 2003, Ketua Audit Negara telah mendapat perintah daripada Kerajaan untuk mengaudit syarikat Kerajaan/subsidiari yang menerima pemberian atau pinjaman daripada Kerajaan dan termasuk juga syarikat yang lebih daripada separuh modal syer berbayarnya dipegang oleh Kerajaan (Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957).

Pada masa sekarang, Ketua Audit Negara melaksanakan 4 jenis pengauditan seperti berikut:

- ð Pengauditan/Pengesahan Penyata Kewangan - bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Agama Islam dan entiti awam lain menunjukkan gambaran yang benar dan saksama serta prestasi kewangan dan

aliran tunainya adalah selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia. Di samping itu, ia juga memastikan rekod perakaunan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

- ð Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)
– bertujuan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri adalah berdasarkan undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Elemen yang dinilai meliputi pengurusan, bajet, terimaan, perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit, pengurusan aset dan stor, pengurusan pelaburan dan pinjaman serta penyata kewangan.
- ð Pengauditan Prestasi – bertujuan untuk menilai sama ada program dan aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi telah dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan mencapai matlamatnya.
- ð Pengauditan Tadbir Urus Syarikat Kerajaan – bertujuan untuk menilai sama ada Syarikat Kerajaan/Subsidiari telah diurus secara teratur.

Bermula pada tahun 2013, selain daripada mengaudit dan melapor, Ketua Audit Negara juga perlu menyusul tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi terhadap isu yang dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 9(1) Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong serta mendapatkan perkenan sebelum dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri. Setelah dibentangkan, laporan tersebut akan menjadi dokumen awam. JAN juga akan mengeluarkan kenyataan akhbar Ketua Audit Negara dan memuat naik laporan berkenaan di portal rasmi JAN.


Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) pada umumnya melaporkan pengurusan hal ehwal kewangan entiti Kerajaan, dan pelaksanaan program/aktiviti/projek Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri. Segala kelemahan dan ketidakpatuhan oleh entiti awam didedahkan bersama punca dan syor penambahbaikan diberi. Di samping itu, inisiatif positif dan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh entiti awam berkenaan selepas pemerhatian audit dikemukakan juga dilaporkan.

Sebelum tahun 2013, LKAN mengenai Penyata Kewangan dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi dan LKAN mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri dibentangkan sekali setahun. Bermula pada tahun 2013, LKAN mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi serta Pengurusan Syarikat Kerajaan/Subsidiari di Persekutuan dan Negeri dibentangkan apabila Parlimen bersidang atau sekurang-kurangnya 3 kali setahun seperti ketetapan dalam Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 – Membanteras Rasuah. Tujuannya adalah supaya tindakan segera dapat diambil terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam LKAN.

JAN telah membentangkan tiga siri LKAN bagi tahun kewangan 2012 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri. Manakala LKAN Penyata Kewangan dan Pengurusan

Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi telah dibentang bersama-sama siri III LKAN Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi.

TIMELINE PENYEDIAAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA



PROSES AUDIT PENYATA KEWANGAN

Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Badan Berkanun Negeri termasuk Kumpulan Wang, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam. Kesemua penyata kewangan wajib diaudit setiap tahun oleh JAN.

Kesemua penyata kewangan disediakan berasaskan akruan kecuali Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan di Sabah dan Sarawak yang disediakan secara *modified cash basis*. Tempoh tahun kewangan adalah setahun iaitu 1 Januari hingga 31 Disember.

Standard Perakaunan Yang Digunakan

1. Standard Antarabangsa Perakaunan Sektor Awam (IPSAS - *Cash Basis*) bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Bermula tahun 2015, selaras dengan pertukaran kepada perakaunan akruan, maka Standard Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS - *Accrual Basis*) akan digunakan di peringkat Kerajaan Persekutuan manakala di peringkat Kerajaan Negeri pada tahun 2016.
2. Standard Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) untuk entiti selain entiti persendirian.
3. Standard Pelaporan Entiti Swasta (PERS) untuk entiti persendirian (akan digantikan oleh Standard Pelaporan Entiti Swasta Malaysia (MPERS) bermula pada 1 Januari 2016).

Standard Pengauditan Yang Digunakan

Standard Pengauditan Antarabangsa Institusi Audit
(ISSAI 1000 – 1999)

JAN melaksanakan pengauditan Penyata Kewangan dalam 2 peringkat iaitu Pengauditan Interim dan Pengauditan Muktamad. Pengauditan Interim dilaksanakan melalui 2 kaedah iaitu Pengauditan Sistem dan Pengauditan Transaksi/Ujian Pematuhan.

1. Pengauditan Sistem bertujuan untuk memastikan bahawa kawalan dalaman yang mencukupi diwujudkan. Prosedur ujian *walk-through* dilaksanakan untuk mengesan transaksi dari awal hingga akhir bagi memberi keyakinan terhadap kebolehpercayaan sistem pengoperasian. Ini termasuklah pengesahan terhadap integriti data dengan memastikan kawalan dalaman umum, kawalan aplikasi, kawalan logikal serta kawalan rangkaian wujud dan boleh dipercayai.
2. Pengauditan Transaksi/Ujian Pematuhan dijalankan terhadap dokumen bagi mengesahkan kewujudan transaksi dan menentukan transaksi tersebut adalah selaras dengan peraturan kewangan dan undang-undang. Selain itu, semua rekod dan dokumen telah diselenggarakan dengan lengkap, betul dan teratur. Antara dokumen yang disemak secara bulanan adalah baucar bayaran; baucar jurnal; penyata penyesuaian bank; akaun tunai bulanan; penyata pemungut dan master *payroll listing* (pengauditan emolumen). Pengauditan dijalankan di Pusat Tanggungjawab berdasarkan sampel yang dipilih.

Pengauditan Muktamad dijalankan setelah JAN menerima Penyata Kewangan Kerajaan bagi tahun berakhir 31 Disember pada sesuatu tahun. Ia dijalankan untuk membolehkan JAN memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama dan prestasi kewangan serta aliran tunainya adalah selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Pengauditan Penyata Kewangan dijalankan oleh JAN atau pun dikontrakkan kepada Firma Audit Swasta (FAS). Proses pengauditan yang dilakukan oleh JAN dan FAS diterangkan melalui carta berikut:

PROSES PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Perancangan	PENGAUDITAN TERUS OLEH JAN	PENGAUDITAN OLEH FAS BAGI PIHAK KETUA AUDIT NEGARA
Perancangan	<p>Penyediaan Memorandum Perancangan Audit (MPA).</p> <p>Mengadakan <i>entrance conference</i> bersama agensi bagi memaklumkan pengauditan yang akan dijalankan dan membincangkan isu lepas jika berkenaan.</p> <ul style="list-style-type: none"> Ø Menjalankan pengauditan interim dan muktamad selepas menerima penyata kewangan daripada Jabatan Akauntan Negara/Agenzi. Ø Penyediaan pemerhatian audit. 	<ul style="list-style-type: none"> Ø Memorandum Perancangan Audit (MPA) disediakan oleh FAS. Ø JAN akan meluluskan MPA tersebut. <ul style="list-style-type: none"> Ø Mengadakan <i>entrance conference</i> bersama agensi dan FAS bagi memaklumkan pengauditan yang akan dijalankan dan membincangkan isu lepas jika berkenaan. Ø <i>Entrance conference</i> bersama FAS akan dibuat bagi pelantikan tahun pertama. <ul style="list-style-type: none"> Ø FAS menjalankan pengauditan (interim dan/atau muktamad) selepas menerima penyata kewangan daripada agensi. Ø JAN akan memantau pengauditan tersebut.
Pelaksanaan	<p>Pengauditan Penyata Kewangan dijalankan dalam tempoh berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Penyata Kewangan Besar – 3 bulan pengauditan (b) Penyata Kewangan Sederhana – 2 bulan pengauditan (c) Penyata Kewangan Kecil – 1 bulan pengauditan <p>Menyediakan kertas kerja audit dan dirujuk silang dengan dokumen sokongan sebagai bukti audit.</p> <ul style="list-style-type: none"> Ø Hasil daripada bukti audit, penemuan audit terhadap penyata kewangan akan dinyatakan dalam Surat Pengurusan. Ø Diserahkan kepada pengurusan untuk ulasan atau tindakan penambahbaikan yang perlu. 	<ul style="list-style-type: none"> Ø Maklum balas diterima daripada agensi dalam tempoh 14 hari daripada tarikh surat pengurusan dikeluarkan. Ø Seterusnya FAS akan menyerahkan kertas kerja pengauditan beserta surat pengurusan kepada JAN untuk disemak. Ø Sekiranya perlu JAN akan mengeluarkan Surat Pengurusan tambahan.
Pelaporan	<p>Mengadakan mesyuarat dengan Jawatankuasa Audit sekiranya perlu.</p> <ul style="list-style-type: none"> Ø Mengadakan <i>pre-exit</i> (sekiranya perlu) bersama Kementerian/Jabatan/ Agenzi dan/atau <i>exit conference</i> bersama Perbendaharaan Malaysia/ Jabatan/Agenzi Akauntan Negara/Pengurusan dan FAS. Ø Sekiranya perlu, bagi membincangkan isu pengauditan yang dibangkitkan. <ul style="list-style-type: none"> Ø Mengeluarkan Laporan Ketua Audit Negara terhadap penyata kewangan. Ø Mengeluarkan Sijil Ketua Audit Negara. 	

Jenis Sijil Audit yang boleh dikeluarkan terhadap kedudukan kewangan Kementerian/Jabatan/Agenzi adalah:

Sijil Audit Tanpa Teguran	Sijil Audit Berteguran	Sijil Audit Bertentangan	Sijil Audit PenaEan
Penyata Kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama. Pendapat Tanpa Teguran Emphasis of Matter pula disertakan nota tambahan bagi perkara yang perlu diberi perhatian oleh pengurusan.	Penyata Kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama. Bagaimanapun, terdapat perkara yang material yang perlu diberi perhatian oleh pengurusan.	Penyata Kewangan tidak menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama. Kesan perbezaan pendapat adalah material dan menyeluruh yang mewujudkan kekeliruan atau ketidaksempurnaan penyata kewangan sehingga tidak memberi gambaran benar dan saksama.	Penyata Kewangan tidak menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama. Kesan perbezaan timbul daripada kekangan terhadap skop adalah material dan menyeluruh dan boleh menjelaskan kesaksamaan penyata kewangan serta bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata.

PROSES AUDIT PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)

JAN melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan atau pengauditan pematuhan selaras dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957. Pengauditan Pematuhan juga adalah sejajar dengan ISSAI 4000 – 4200. Bermula pada tahun 2007, JAN telah melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (IA). Pengauditan ini dijalankan setiap tahun di semua Kementerian, 4 Jabatan pemungut utama iaitu Imigresen, Kastam Diraja Malaysia, Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta 13 Pejabat Kewangan Negeri dan Perbendaharaan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Majlis Agama Islam dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Jabatan Persekutuan dan Negeri yang lain diaudit secara pusingan sekali pada setiap 3 tahun.

Pengauditan IA ini bertujuan untuk menilai sama ada:

- ø Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- ø Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan, bajet, terimaan, perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit, pengurusan aset dan stor, pengurusan pelaburan dan pinjaman serta penyata kewangan;
- ø Pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
- ø Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

Sesuatu Pengauditan IA biasanya akan mengambil masa selama empat bulan. Terdapat 8 elemen utama pengurusan kewangan yang dinilai bagi setiap Kementerian/Jabatan/Agensi yang diaudit, sama ada di peringkat Persekutuan, Negeri atau Badan Berkanun.

8 ELEMEN UTAMA YANG DINILAI

Kawalan Pengurusan

Kawalan Bajet

Kawalan Terimaan

Kawalan Perbelanjaan

Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit

Pengurusan Aset dan Stor

Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman

Penyata Kewangan

Setiap Kementerian/Jabatan/Agensi akan dinilai berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan bagi setiap indikator di bawah elemen-elemen tersebut. Hasil penilaian akan diberi skor di antara 1 hingga 4. Skor yang diperoleh akan dijumlahkan berdasarkan wajaran yang ditetapkan bagi mendapat markah keseluruhan. Daripada markah keseluruhan yang diperoleh, Kementerian/Jabatan/Agensi akan diberikan penarafan seperti berikut:

PENARAFAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

MARKAH KESELURUHAN	TAHAP	PENARAFAN
90 – 100	Sangat Baik	★★★★★
70 – <90	Baik	★★★
50 – <70	Memuaskan	★★
<50	Tidak Memuaskan	★

Tafsiran penarafan prestasi mengikut tahap prestasi adalah seperti berikut:

TAHAP	PENJELASAN
Sangat Baik 	<ul style="list-style-type: none"> ð Objektif setiap elemen yang dinilai sentiasa dicapai dan memberi impak yang baik. ð Pematuhan 90% hingga 100% daripada undang-undang dan peraturan bagi setiap indikator/sub-indikator. ð Pelaksanaan memenuhi standard ditetapkan. ð Kawalan dalaman keseluruhannya berkesan dan boleh dicontohi. ð Pemantauan/penyeliaan keseluruhannya berkesan dan boleh dicontohi. ð Ada melaksanakan inovasi/pembaharuan bagi meningkatkan kualiti/prodiktiviti kerja. ð Boleh dijadikan penandaarsaan bagi Kementerian/Jabatan lain.
Baik 	<ul style="list-style-type: none"> ð Objektif sebahagian daripada elemen yang dinilai dicapai. ð Memenuhi sebahagian besar keperluan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. ð Pelaksanaan memenuhi sebahagian besar standard ditetapkan. ð Kawalan dalaman bagi sebahagian besar indikator/sub-indikator mencukupi dan dipatuhi sepenuhnya. ð Pemantauan dan penyeliaan terhadap sebahagian besar aktiviti adalah mencukupi. ð Memerlukan sedikit tindakan pembetulan dengan tindakan penambahbaikan.
Memuaskan 	<ul style="list-style-type: none"> ð Sebahagian objektif dalam elemen yang dinilai tidak dicapai. ð Patuh kepada undang-undang dan sebahagian peraturan yang ditetapkan. ð Pelaksanaan kadangkala memenuhi standard ditetapkan. ð Kawalan dalaman bagi sebahagian indikator/sub-indikator tidak mencukupi dan dilaksanakan secara tidak konsisten. ð Pemantauan/penyeliaan terhadap aktiviti utama tidak dibuat. ð Tindakan susulan perlu diambil oleh pegawai yang bertanggungjawab.

TAHAP	PENJELASAN
Tidak Memuaskan ★	<ul style="list-style-type: none"> ð Semua atau sebahagian besar objektif elemen yang dinilai tidak dicapai. ð Tidak mematuhi sebahagian besar daripada undang-undang dan peraturan utama yang ditetapkan. ð Pelaksanaan lazimnya tidak memenuhi standard ditetapkan. ð Satu atau lebih daripada kawalan dalaman utama tidak dilaksanakan menyebabkan keadaan tidak terkawal. ð Pemantauan/penyeliaan hanya sedikit/tiada atau tidak konsisten terhadap aktiviti utama menyebabkan kerugian/pembaziran. ð Tindakan susulan perlu diambil dengan segera/dirujuk kepada pengurusan.

Dengan adanya penarafan ini, setiap Kementerian/Jabatan/Agensi boleh mengukur trend tahap pencapaian dan menjadi asas bagi penandaarasan ke arah penambahbaikan dan kecemerlangan. Dengan itu, ia dapat membantu mewujudkan budaya kerja yang berasaskan amalan terbaik untuk meningkatkan tahap akauntabiliti pengurusan kewangan dalam sektor awam dan seterusnya meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam. Statistik Kementerian/Jabatan/Agensi yang mendapat penarafan cemerlang bagi tahun kewangan 2007 hingga 2012 adalah seperti berikut:

TAHUN KEWANGAN	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Bilangan Entiti Yang Mendapat 4 Bintang	10	20	47	77	111	131
Bilangan Entiti Yang Diaudit	200	274	384	340	341	326

PROSES AUDIT PRESTASI

Pengauditan prestasi atau *Value for Money* dilaksanakan berdasarkan peruntukan Seksyen 6(d) Akta Audit 1957. Seksyen ini memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pemeriksaan bagi menilai sama ada wang awam telah dibelanjakan untuk tujuan ianya diperuntukkan dan aktiviti telah dilaksanakan secara cekap dan berhemat bagi mengelakkan penyelewengan, pembaziran dan pemborosan dalam perbelanjaan awam. Hasil pengauditan ini dapat menambah baik pentadbiran dan akauntabiliti sektor awam, membantu badan perundangan melaksanakan kawalan perundangan dengan berkesan dan membantu Kerajaan meningkatkan amalan tadbir urus yang baik.

Pengauditan ini dijalankan mengikut standard pengauditan antarabangsa iaitu ISSAI 3000 dan 3100. Sesuatu pengauditan mengambil masa selama 4 hingga 6 bulan. Sepanjang proses pengauditan, JAN membuat *engagement* yang berterusan iaitu semakan dengan pihak-pihak lain jika perlu misalnya pihak kontraktor. Pemilihan topik untuk diaudit perlu mengikut keutamaan berdasarkan kriteria berikut:

- i. Risiko kepada pengurusan yang baik.
- ii. Jangkaan/impak yang menyeluruh.
- iii. Materialiti kewangan.
- iv. Signifikansi sesuatu program terhadap aktiviti auditi.
- v. Visibiliti program/aktiviti mengikut sensitiviti politik dan kepentingan negara.
- vi. Liputan audit, penilaian dalaman dan luaran program/aktiviti yang terhad.
- vii. Auditabiliti.

Dari segi bentuk pelaporan, JAN menyediakan laporan seimbang yang mana ciri-ciri pengurusan yang baik dan yang kurang baik dilaporkan. Maklum balas yang merupakan penjelasan


dimasukkan bersama-sama dalam laporan. Pendapat audit yang dinyatakan adalah berasaskan fakta. Isu-isu yang signifikan diketengahkan berdasarkan pemerhatian audit yang dibuat. Syor-syor penambahbaikan kecekapan mengurus juga dikemukakan.

Sebaik sahaja auditi menerima surat pengesahan, Unit Audit Dalam akan mengatur Mesyuarat Jawatankuasa Audit yang dipengerusikan oleh Pegawai Pengawal. Perbincangan adalah berhubung tindakan susulan dari segi tindakan (pembetulan atau punitif), tempoh masa tindakan diambil dan siapa yang bertanggungjawab. Perkara-perkara ini akan dilaporkan ke dalam AG's *Online Dashboard*.

PERINGKAT PENGAUDITAN PRESTASI




CARTA ALIRAN PELAKSANAAN AUDIT PRESTASI




Sumber: Standard Pengauditan Sektor Awam Malaysia Berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)*

PROSES LAPORAN AUDIT PRESTASI



Catatan : Laporan Audit Prestasi akan dibentangkan secara bersiri pada setiap persidangan Dewan Rakyat/Dewan Undangan Negeri

PROSES MEMBANGUN PENEMUAN DAN SYOR AUDIT



Sumber: Standard Pengauditan Sektor Awam Malaysia Berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI)

PROSES AUDIT SYARIKAT

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memberi mandat kepada Ketua Audit Negara untuk melaksanakan pengauditan terhadap Syarikat Kerajaan dan Subsidiari yang menerima pemberian atau pinjaman daripada Persekutuan atau Negeri, termasuk juga sesuatu syarikat di mana pegangan ekuiti Kerajaan melebihi 50% dengan syarat ianya hendaklah mendapat perkenan daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Setakat April 2014, sebanyak 1,708 Syarikat Kerajaan/Subsidiari telah diwartakan dan perlu diaudit.

JAN hanya melaksanakan pengauditan terhadap pengurusan dan aktiviti Syarikat Kerajaan/Subsidiari. Manakala pengauditan pengesahan terhadap Penyata Kewangan Syarikat masih dijalankan oleh Juruaudit yang dilantik oleh syarikat sepertimana yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965.

OBJEKTIF AUDIT

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

- ø Prestasi kewangan syarikat memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor-faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut.
- ø Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan atau amalan tadbir urus yang baik.
- ø Pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.
- ø Pengurusan syarikat subsidiari telah dipantau oleh Kerajaan/Syarikat Induk selaras dengan objektif syarikat yang ditetapkan.

Pengauditan dijalankan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan syarikat merangkumi aktiviti/operasi yang dijalankan oleh syarikat dengan tujuan untuk menentukan sama ada wang yang disumbangkan

oleh Kerajaan/Agensi Kerajaan telah diurus dan digunakan dengan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan. Aspek yang ditekankan ialah:

- i. Perancangan Strategik dan Pengurusan Syarikat (Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko).
- ii. Prestasi Kewangan (Penilaian Terhadap Kedudukan Kewangan dan Analisis Prestasi).
- iii. Pengurusan Kewangan (Kawalan Pendapatan/Terimaan/ Hasil; Kawalan Perbelanjaan; Kawalan Bajet; Pengurusan Sumber Kewangan – Hutang dan Ekuiti; Penyelenggaraan Rekod Kewangan dan Pengurusan Penyata Kewangan; Pengurusan Aset; Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Pelaburan).
- iv. Pengurusan Aktiviti (Pengeluaran, Pengurusan, Penyampaian Produk/ Perkhidmatan; Produktiviti, Kecekapan dan Tahap Perkhidmatan; Penyelidikan dan Pembangunan; Pemasaran dan Penghasilan Pendapatan).
- v. Pemantauan Terhadap Syarikat Induk/Subsidiari.

PROSEDUR AUDIT

1. Penilaian Kawalan Dalaman

- ø Kawalan Persekutuan (falsafah dan corak pengurusan, struktur organisasi, tugas dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa terutamanya Jawatankuasa Audit, penurunan kuasa dan tanggungjawab, kawalan dan tindakan susulan terhadap prestasi termasuk pelaksanaan audit dalaman, polisi pengurusan sumber manusia dan campur tangan pihak luar).
- ø Kawalan Perakaunan (kaedah dan maklumat yang digunakan bagi mengenal pasti, mengklasifikasi, menganalisis, merekod dan melaporkan segala urus niaga syarikat dan mengekal tahap akauntabiliti aset dan liabiliti berkaitan).

- ø Kawalan Prosedur (kelulusan sesuatu urus niaga dilaksanakan, pengagihan dan pengasingan tugas, urus niaga direkod, keselamatan terhadap data dan rekod perakaunan, semakan terhadap prestasi dan penilaian rekod yang meliputi penyesuaian, perbandingan aset Ezikal dengan rekod dan laporan pengurusan).
- ø Kawalan Komputer bagi sistem syarikat yang berasaskan aplikasi komputer (aspek kawalan Ezikal, kawalan akses, kawalan keselamatan data, kawalan input, kawalan pemprosesan dan kawalan output).

2. *Analytical Review*

Prosedur ini dilaksanakan untuk membuat perbandingan antara nilai/angka/nisbah sebenar/trend/baki akaun/urus niaga dengan nilai/angka/nisbah yang dirancang. Objektif perbandingan dilakukan adalah untuk menentukan dan menyiasat sebab luar biasa atau tidak dijangka, hubungan di antara nilai sebenar dengan yang dijangka. Kaedah yang digunakan ialah ujian kemunasabahan, skrutini, semakan semula dan analisis nisbah.

AUDIT SUSULAN

Audit Susulan merupakan suatu aktiviti untuk memberi jaminan bahawa tindakan penambahbaikan dan pembetulan telah diambil oleh auditi. Audit Susulan ini selaras dengan ISSAI 3000 yang menghendaki susulan terhadap tindakan yang diambil oleh auditi bagi setiap pengauditan prestasi.

TUJUAN SUSULAN AUDIT

Meningkatkan Keberkesanan Laporan Audit

Membantu Badan Perundangan

Penilaian Prestasi Jabatan Audit Negara

Mewujudkan Peluang Pembelajaran Dan Pembangunan Idea Kepada Pegawai Di Pejabat Auditi Dan Pegawai Audit

Paparan Susulan Laporan Ketua Audit Negara melalui AG's *Online Dashboard* dibangunkan bertujuan untuk memaklumkan kepada orang ramai secara talian status tindakan yang diambil oleh auditi bagi menggalakkan ketelusan dan sebagai pencetus tekanan untuk mempercepatkan penyelesaian isu yang dibangkitkan.


Terdapat 3 tahap status susulan audit yang dipamerkan melalui warna merah, kuning dan hijau:

1. Merah – Tindakan belum diambil oleh auditi.
2. Kuning – Auditi sedang mengambil tindakan ke atas penemuan yang dibangkitkan.
3. Hijau – Penemuan yang dibangkitkan telah selesai diambil tindakan oleh auditi.



Jawatankuasa Tindakan yang ditubuhkan pada bulan Ogos 2013 berfungsi untuk mengkoordinasi tindakan dan membantu proses penyiasatan. Ianya ditubuhkan untuk tujuan perkongsian maklumat dengan agensi penguatkuasaan yang berkaitan supaya keputusan terhadap kes-kes yang dilaporkan diambil tindakan segera sama ada tindakan pembetulan/punitif. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara dianggotai oleh wakil daripada agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Perkhidmatan Awam, PDRM dan Kementerian Kewangan. Bagi kes-kes yang tidak dapat diselesaikan, ianya akan dibawa kepada Inkuisisi Putrajaya yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

CARTA ALIRAN KERJA BAGI MEMUAT NAIK ISU LKAN KE AG'S ONLINE DASHBOARD



SOALAN-SOALAN LAZIM

1. Siapa yang melantik Ketua Audit Negara?

Ketua Audit Negara dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja (Perlembagaan Persekutuan Perkara 105). Status, kuasa, tugas pegawai audit dan corak pengauditan yang dijalankan serta jenis laporan yang dikeluarkan adalah berdasarkan kedudukan berkanun Ketua Audit Negara sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957.

2. Apakah yang dimaksudkan dengan ketirisan?

Dalam konteks pengurusan wang awam, ketirisan bermaksud wang rakyat yang hilang disebabkan oleh pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan rasuah berpunca daripada ketidakpatuhan kepada perundangan, peraturan dan prosedur kewangan yang sedia ada; kelemahan sistem dan prosedur; ketidakcekapan pegawai/kakitangan dalam mengurus wang awam kerana kecuaian atau kurang kemahiran atau kelemahan integriti pegawai/kakitangan.

3. Adakah JAN bertanggungjawab untuk mengesah penyelewengan dan rasuah?

Tanggungjawab Ketua Audit Negara adalah untuk mengesah serta melaporkan kedudukan dan prestasi kewangan serta aktiviti Kerajaan Persekutuan dan Negeri secara objektif dan telus. Semasa menjalankan pengauditan, sekiranya terdapat unsur-unsur penyelewengan/rasuah, perkara ini akan dimaklumkan kepada pegawai pengawal Kementerian/Jabatan/Agensi yang sepatutnya melaporkan kepada agensi penguatkuasaan seperti SPRM dan PDRM.

4. Bagaimana JAN menangani persepsi bahawa Laporan Ketua Audit Negara adalah acara tahunan yang hanya ribut sekejap, selepas itu ianya dilupakan dan amalan serta kelemahan yang sama diteruskan?

Isu audit sering digembar-gemburkan oleh pelbagai pihak. Realitinya, ramai yang tidak membaca laporan audit sepenuhnya. Oleh itu, kadang-kadang apa yang dilaporkan tidak seperti apa yang dinyatakan dalam laporan audit sedangkan JAN menggunakan kaedah penyediaan laporan seimbang. Gambaran sebegini akan memberi pelbagai persepsi dan andaian.

Tanggungjawab JAN adalah untuk mengaudit dan melaporkan sama ada sumber awam diurus dengan teratur, berhemah dan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pengauditan dilakukan secara profesional dan objektif berasaskan standard pengauditan antarabangsa. Selepas dilaporkan, tindakan seterusnya adalah terletak di bawah auditi dan agensi penguatkuasaan yang berkaitan. Isu ketirisan, pemborosan dan penyelewengan dapat dikurangkan sekiranya tindakan tegas dan pantas diambil oleh auditi dan agensi penguatkuasaan.

Perlu dinyatakan bahawa walaupun isu-isu audit yang dibangkitkan adalah seakan-akan sama tetapi auditi yang diaudit adalah berbeza. Seperti yang diamalkan di peringkat antarabangsa, pengauditan dilakukan adalah berasaskan sampel. Oleh yang demikian, adalah sukar untuk dinyatakan bahawa isu-isu yang dibangkitkan merupakan kes-kes terpencil bagi beberapa organisasi tertentu sahaja.

5. Dalam bahagian maklum balas Perbendaharaan, JAN sudah membuat teguran dan cadangan kepada Jabatan/Agensi terbabit dalam tempoh proses audit. Adakah ini bermakna pengurusan kewangan yang lemah masih diteruskan selepas proses audit berlangsung?

Dalam proses pengauditan, JAN banyak memberi peluang kepada Jabatan/Agensi memperbaiki kelemahan yang ditemui

iaitu melalui perbincangan dengan Ketua-ketua Jabatan/Agenzi berhubung isu yang dilaporkan, diikuti dengan menghantar surat pengesahan kepada jabatan/agenzi dan seterusnya mendapat maklum balas daripada pihak Perbendaharaan. Perlu dijelaskan bahawa pengauditan dilakukan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan JAN tidak boleh menunggu untuk sesuatu isu audit diambil tindakan oleh pihak yang terbabit. Selepas *engagement*, JAN akan menyediakan laporan kepada Kabinet/EXCO.

Diperhatikan bahawa kebanyakan Ketua Jabatan/Agenzi biasanya tidak sedar berlakunya kepincangan dalam pengurusan wang awam. Apabila ianya didedahkan oleh audit, barulah mereka sedar. Perkara ini berlaku mungkin kerana Ketua Jabatan tidak dimaklumkan oleh pegawai bawahan atau mereka hanya melaporkan sebagai perkara rutin atau tidak penting.

6. Isu-isu audit sering dikaitkan dengan penyalahgunaan kuasa dan rasuah. Adakah persepsi ini betul?

Kebanyakan isu-isu audit yang dibangkitkan adalah mengenai kelemahan-kelemahan ketidakpatuhan atau pelanggaran kepada perundungan dan peraturan kewangan Kerajaan. Sama ada kelemahan-kelemahan ini berpunca atau disebabkan oleh penyalahgunaan kuasa dan rasuah adalah bergantung kepada hasil penyiasatan oleh agensi penguatkuasaan seperti SPRM dan PDRM.

7. Kenapakah JAN masih mahu melaporkan kelemahan-kelemahan pengurusan walaupun pihak yang diaudit telah pun mengambil tindakan pembetulan sebaik sahaja menerima pemerhatian audit? Ini adalah tidak adil kepada pihak yang diaudit dan boleh menjelaskan imej organisasi awam itu.

Selain ingin menunjukkan bahawa penjawat-penjawat awam sentiasa responsif kepada teguran-teguran audit menerusi tindakan-tindakan penambahbaikan yang pantas, ianya penting sebagai rujukan berterusan kepada pihak-pihak lain yang

telah diaudit supaya sedar tentang kemungkinan kelemahan-kelemahan yang serupa boleh terjadi di tempat mereka.

Jika ianya digugurkan daripada LKAN, maka perkhidmatan awam keseluruhanya tidak dapat memanfaatkan pembelajaran (*lessons learnt*) dan akan menyebabkan ianya berulang di masa hadapan. Selain itu, pihak-pihak yang diaudit juga tidak mempunyai peluang mempelajari daripada kesilapan-kesilapan yang didedahkan dalam laporan audit kerana mereka tidak ada sesiapa yang menyedarkan mereka tentang berlakunya kesilapan-kesilapan tersebut.

8. Adakah Ketua Audit Negara boleh mengambil tindakan terhadap Kementerian/Jabatan/Agensi yang gagal membetulkan kelemahan-kelemahan yang dibangkit?

Ketua Audit Negara tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap Kementerian/Jabatan/Agensi yang berkenaan. Tindakan akan diambil oleh agensi penguatkuasaan seperti SPRM dan PDRM di bawah perundangan masing-masing manakala pelbagai Lembaga Disiplin di kementerian-kementerian dan agensi Kerajaan akan mengambil tindakan tatatertib di bawah prosedur disiplin yang berkuat kuasa. JAN akan sentiasa memantau tindakan susulan yang diambil oleh auditi dan memaklumkan kepada orang awam melalui *AG's Online Dashboard*.

9. Apakah tindakan-tindakan yang diambil terhadap individu yang melanggar peraturan kewangan atau melakukan penyelewengan dan rasuah?

Tindakan disiplin/tatatertib (denda dan amaran) atau punitif boleh diambil oleh Ketua Jabatan terhadap pesalah bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan.

10. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh JAN untuk membendung laporan-laporan yang sensasi dalam media tentang isu-isu audit yang dibangkitkan?

Segala usaha telah diambil oleh JAN untuk memastikan laporan audit adalah tepat dari segi fakta dan pendapat-pendapat audit berlandaskan fakta-fakta yang dikumpulkan dalam proses pengauditan selain memastikan laporan itu berimbang. Walau bagaimanapun, cara mana pihak media mahu membicarakan isu-isu audit itu adalah di luar kawalan JAN. Apabila terdapat kesilapan-kesilapan fakta yang dikaitkan dengan laporan audit, maka JAN akan meminta secara bertulis kepada media yang berkenaan supaya membuat pembetulan segera.

11. Bila dan bagaimana pihak-pihak yang berkepentingan dan orang awam boleh mengakses Laporan Ketua Audit Negara (LKAN)?

Setelah LKAN dibentangkan di Parlimen, pada hari yang sama pihak-pihak yang berkepentingan dan orang awam boleh mengakses LKAN melalui Portal JAN di www.audit.gov.my. Mereka juga boleh mendapat LKAN dalam bentuk *hardcopy* dan CD daripada JAN.

12. Siapakah yang mengaudit JAN?

Unit Audit Dalam, Jabatan Perdana Menteri bertanggungjawab mengaudit JAN. Pengurusan Kewangan JAN juga diberi penarafan Indeks Akauntabiliti seperti Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan yang lain.

13. Adakah Ketua Audit Negara boleh didakwa?

Akta Audit 1957 tidak memperuntukkan perlindungan imuniti terhadap sebarang tindakan guaman semasa menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Ketua Audit Negara. Oleh yang demikian, beliau boleh didakwa seperti penjawat awam yang lain.

MAKLUMAT SEPINTAS LALU

Bilangan Entiti Yang Diaudit oleh JAN Setahun	458
---	-----

Bilangan Perjawatan 2014	2,101
Juruaudit	1,652
Sokongan	449

Bilangan Pejabat Audit Negeri	13
-------------------------------	----

Bajet 2014	RM173,559,300
Perbelanjaan Mengurus	RM169,087,000
Perbelanjaan Pembangunan	RM4,472,300

SENARAI SINGKATAN YANG DIGUNAKAN

BSA	: Bahagian Susulan Audit
DUN	: Dewan Undangan Negeri
eSPP	: Sistem Pengurusan Pengauditan Elektronik
FAS	: Firma Audit Swasta
ISSAI	: <i>International Standards of Supreme Audit Institutions</i>
IPSAS	: <i>International Public Sector Accounting Standards</i>
JAN	: Jabatan Audit Negara
LKAN	: Laporan Ketua Audit Negara
MFRS	: <i>Malaysian Financial Reporting Standards</i>
MPERS	: <i>Malaysian Private Entity Reporting Standards</i>
MPSAS	: <i>Malaysian Public Sector Accounting Standards</i>
PAN	: Pengarah Audit Negeri
PBSA	: Pengarah Bahagian Susulan Audit
PDRM	: Polis Diraja Malaysia
PERS	: <i>Private Entity Reporting Standards</i>
SPRM	: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
TPA	: Timbalan Pengarah Audit
TPBSA	: Timbalan Pengarah Bahagian Susulan Audit
UAD	: Unit Audit Dalam



Jabatan Audit Negara Malaysia
No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62518 Putrajaya,
Tel: +603 8889 9000
Faks: +603 8888 3087
E-mel: jbaudit@audit.gov.my
Website: www.audit.gov.my
